

SOALAN NO: 29

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : KHAMIS, 3 OGOS 2017
RUJUKAN : L2 [PR-1352-L01603]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauh mana tanah DBKL yang telah dijual kepada para pemaju tanah berjaya dibangunkan dengan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan seperti bilangan unit rumah mampu milik, unit perniagaan dan harga yang ditawarkan dan perancangan bagi tanah yang belum dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memastikan bahawa kesemua tanah yang dijual kepada pihak swasta akan dibangunkan selaras dengan surat tawaran dan kelulusan Kebenaran Merancang (DO) yang diluluskan oleh DBKL.

Sehingga kini, sebanyak 37 perjanjian penjualan tanah DBKL telah ditandatangani. Daripada jumlah tersebut, 3 projek telah siap dibina yang melibatkan 1,799 unit-unit kediaman, 1,330 unit RUMAWIP dan 1,295 unit perdagangan. Selain itu terdapat 17 projek dalam pembinaan yang melibatkan 7,518 unit-unit kediaman, 10,497 unit RUMAWIP dan 116 unit perdagangan manakala 17 projek lagi masih dalam perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, adalah menjadi dasar DBKL untuk memastikan setiap penjualan tanah milik DBKL dibangunkan selaras dengan hasrat untuk menyediakan kemudahan kediaman dan ruang perniagaan yang bersesuaian kepada warga kota Kuala Lumpur.